

Bisnes

bhbiz@bh.com.my

Hubungan dagang Malaysia-AS tak terjejas



Ahmed Razman Abdul Latiff

Jumlah urusan niaga lima bulan pertama ketika COVID-19 naik 11.93 peratus

Oleh Alzahrin Alias
zahrin@bh.com.my

Kedudukan Malaysia sebagai antara rakan dagangan utama Amerika Syarikat (AS) tidak akan terjejas walaupun republik itu kini merekodkan kes positif COVID-19 tertinggi pada peringkat global.

Pengurus Pembangunan Perniagaan Putra Business School (PBS), Prof Madya Dr Ahmed Razman Abdul Latiff, berkata berdasarkan perangkaan semasa, kedudukan Malaysia sebagai rakan dagang AS tidak terkesan teruk sepanjang pandemik COVID-19.

Malah, tegasnya jumlah dagangan Malaysia dengan AS untuk lima bulan pertama tahun ini bernilai AS\$18.02 bilion (RM77.1 bilion), peningkatan 11.93 peratus berbanding lima bulan pertama 2019.

"Eksport Malaysia ke AS me-

ingkat 13.62 peratus dan import barangan AS ke Malaysia turut naik 6.97 peratus. Ini menjadikan Malaysia rakan dagang ke-18 terpenting untuk AS, naik satu tangga daripada kedudukan ke-19 pada tahun lalu.

"Antara barangan utama dieksport ke AS ialah cip komputer bernilai AS\$5.98 bilion, semikonduktor (AS\$1.44 bilion), komponen telefon pintar (AS\$945.41 juta), barangan berasaskan getah (AS\$762.35 juta) dan pencetak (AS\$713.75 juta).

"Oleh itu, walaupun berlaku ketidakpastian sosiopolitik serta ekonomi di AS, Malaysia masih mampu kekal antara rakan dagang utama AS," katanya.

Mengulas lanjut, Ahmed Razman berkata, apa yang harus dilakukan kerajaan kini adalah memastikan hubungan dua hala terus diperkukuhkan, di samping mempelbagaikan pasaran untuk barangan.

"Selepas ini bakal berlaku ketidakpastian berkaitan perang tarif AS-China yang belum memperlihatkan penyelesaian," katanya.

Penganalisis ekonomi, Prof Madya Aimi Zulhazmi Abdul Rashid dari UniKL Business School pula mempunyai pandangan berbeza dengan berkata jika AS tidak merekodkan

pemulihan akibat COVID-19, ia akan menjejaskan ekonomi global serta kedudukannya sebagai kuasa ekonomi terbesar dunia.

Beliau berkata, kemelesetan ekonomi di AS memberikan tekanan kepada ekonomi dunia umumnya, termasuk Malaysia yang banyak bergantung kepada perdagangan antarabangsa.

"Ia juga memaksa Malaysia



Malaysia harus bersiap sedia cari pasaran baharu bagi mengurangkan kebergantungan kepada AS.

Aimi Zulhazmi Abdul Rashid, Penganalisis ekonomi

bergantung kepada ekonomi tempatan untuk membangunkan semula negara akibat COVID-19. Keadaan ini dijangka berterusan sehingga ekonomi global yang diterajui AS kembali pulih.

"Malaysia harus bersiap sedia mencari pasaran baharu bagi mengurangkan kebergantungan kepada AS," katanya.

Timbalan Pengarah Institut Dasar Ekonomi dan Kewangan, Universiti Utara Malaysia, Prof Madya Dr Irwan Shah Zainal Abidin turut menyatakan negara boleh terkesan dari sudut eksport, pelaburan, pelancongan, serta pendidikan.

Namun, beliau berkata, Malaysia boleh mengatasi masalah ini dengan meningkatkan kekuatan ekonomi domestik, terutama menambah tahap penggunaan swasta dan merangsang sektor perusahaan kecil dan sederhana (PKS), pelancongan serta pendidikan.

"Ini sudah dilaksanakan dalam pakej rangsangan ekonomi. Namun, dalam konteks sektor luaran menangani kesan ekonomi pasca COVID-19, kerjasama serantau seperti Pelan Tindakan Komuniti ASEAN (AEC) serta pembentukan blok ekonomi baharu seperti Perjanjian Komprehensif dan Progresif

bagi Perkongsian Trans-Pasifik (CPTPP) dan Perkongsian Ekonomi Komprehensif Serantau (RCEP) adalah strategi terbaik bagi Malaysia supaya tidak terlalu bergantung kepada AS dalam masa terdekat ini," katanya.

Sementara itu, Prof Madya Dr Mohd Yusof Saari dari Sekolah Perniagaan dan Ekonomi Universiti Putra Malaysia berkata, AS mengambil pendekatan lebih liberal dalam menanggapi COVID-19.

"AS membuat keputusan berdasarkan pertimbangan bahawa impak ekonomi akibat perintah penutupan atau kawalan, jika dilaksanakan lebih besar berbanding pendekatan kini (pendekatan pasaran).

"Pandemi di AS dan negara lain memberi kesan kepada ekonomi Malaysia. Namun, jika AS mengambil pendekatan penutupan, Malaysia dan negara lain yang berdagang dengannya akan tambah terkesan," katanya.

Mohd Yusof yang juga Sekretariat Majlis Tindakan Ekonomi (EAC) berkata, ekonomi dunia akan terkesan kerana AS antara negara yang menjadi penyumbang besar kepada pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) global selain China, Russia dan Jerman.

Angka eksport negara diunjur pulih

Pembukaan semula lebih banyak industri dan peningkatan dalam sektor semikonduktor akan menyokong eksport negara untuk pulih lebih kukuh selepas terjejas teruk oleh sekatan dan kawalan pergerakan bagi membendung penularan COVID-19 di seluruh dunia.

Ketua Ahli Ekonomi AmBank Research, Dr Anthony Dass, berkata terdapat petunjuk eksport akan pulih yang sebahagiannya susulan langkah kerajaan membenarkan lebih banyak industri memulakan semula operasi, dengan sesetengahnya pada kapasiti penuh sejak 4 Mei lalu.

Beliau berkata, pada masa sama, sokongan datang daripada

pemulihan sederhana dalam semikonduktor.

Di samping itu, katanya, syarikat di negara lain juga meningkatkan operasi perniagaan mereka.

"Ini akan mencerminkan peningkatan dalam Indeks Pengurusan Pembelian (PMI) yang bertindak sebagai petunjuk awal bahawa kemerosotan ekonomi disebabkan COVID-19 mula mencapai paras rendah," katanya dalam nota penyelidikan.

Anthony berkata, COVID-19 mencecutkan gangguan besar kepada rantaian bekalan global yang menjejaskan eksport dan import.

Beliau berkata, prestasi eks-

port dan import yang lemah memang dijangka memandangkan kebanyakan negara berada dalam sekatan dan kawalan pergerakan untuk membendung penularan COVID-19.

Keadaan itu, katanya, mencecutkan gangguan besar terhadap aktiviti perkilangan serta pergerakan barangan pada peringkat global.

Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) sebelum ini melaporkan Malaysia kembali merekodkan lebih dagangan RM10.41 bilion pada Mei lalu, selepas mencatatkan defisit dagangan RM3.63 bilion pada April, meskipun eksport secara keseluruhan

lebih lemah daripada jangkauan. Lebih dagangan itu mencatatkan pertumbuhan dua angka sebanyak 14.7 peratus tahun ke tahun kepada RM10.41 bilion yang juga angka tertinggi dicatatkan bagi Mei sejak 2008.

Bagaimanapun, jumlah perdagangan pada Mei 2020 susut 27.8 peratus kepada RM114.96 bilion, berbanding Mei 2019 yang perdagangan lebih rendah direkodkan terutama dengan Singapura, Thailand, India, China, Jepun dan Indonesia.

Dalam tempoh itu, eksport RM62.69 bilion menyusut 25.5 peratus, manakala import berkurang 30.4 peratus kepada RM52.27 bilion.



Sokongan datang daripada pemulihan sederhana dalam semikonduktor.

Anthony Dass, Ketua Ahli Ekonomi AmBank Research

pressreader

PRINTED AND DISTRIBUTED BY PRESSREADER
PressReader.com +1 604 278 4604
COPYRIGHT AND PROTECTED BY APPLICABLE LAW